

Bil. S 63

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 68.
 3. Pindaan bab 3.
 4. Pindaan bab 24.
 5. Pindaan bab 29.
 6. Pindaan bab 29A.
 7. Pindaan bab 39.
 8. Pemasukan bab-bab 47A, 47B, 47C, 47D, 47E dan 47F baru.
 9. Penggantian bab 91.
 10. Pindaan bab 94.
 11. Penggantian Jadual Kedua.
 12. Tambahan Jadual Ketiga baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2013.

Pindaan bab 2 dari Penggal 68.

2. Bab 2 dari Akta Lalulintas Jalan Raya dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “examiner” —

“ “pelancong asing” bermakna seseorang yang bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam yang berada sementara di Negara Brunei Darussalam dan memegang suatu lesen memandu asing;”.

Pindaan bab 3.

3. Bab 24 dari Akta utama adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melantik sebilangan Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah, pegawai melesen, pegawai penguatkuasa, pemeriksa dan pegawai lain sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.”.

Pindaan bab 24.

4. Bab 24 dari Akta utama adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Mana-mana orang yang memandu apa-apa kelas atau perihalan kenderaan bermotor di atas mana-mana jalan raya di dalam suatu kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama pada kelajuan yang melebihi kelajuan yang dinyatakan dalam atau menurut Jadual itu sebagai kelajuan maksimum di dalam kawasan tersebut bagi kelas atau perihalan kenderaan

itu adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$2,000, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, penjara selama 6 bulan dan suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$4,000.”.

Pindaan bab 29.

5. Bab 29 dari Akta utama adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Mana-mana orang yang memandu sesebuah kenderaan di atas jalan raya tanpa kecermatan dan perhatian yang sepatutnya atau tanpa pertimbangan yang munasabah terhadap orang lain yang menggunakan jalan raya itu adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, penjara selama 12 bulan dan suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$5,000.”.

Pindaan bab 29A.

6. Bab 29A dari Akta utama adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Mana-mana orang yang, sebagai pemandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya, menggunakan telefon bimbit semasa kenderaan bermotor itu sedang bergerak adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$1,000, penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$2,000, penjara selama 12 bulan atau kedua-duanya sekali.”.

Pindaan bab 39.

7. Bab 39 dari Akta utama adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Jika seseorang pegawai polis berpakaian seragam pada masa itu bertugas mengawalselia lalulintas di suatu jalan raya, atau jika mana-mana isyarat lalulintas iaitu isyarat bagi mengawalselia pergerakan lalulintas atau menunjukkan laluan yang akan diikuti oleh lalulintas dan dengan saiz, warna dan jenis yang ditetapkan yang diletakkan secara sah di atas atau berhampiran dengan mana-mana jalan raya, mana-mana orang yang —

(a) memandu atau menggerakkan mana-mana kenderaan mengabaikan atau enggan memberhentikan kenderaan itu atau membuat kenderaan itu berjalan melalui atau mengikuti garisan lalulintas tertentu apabila diarahkan berbuat demikian oleh pegawai polis itu pada menjalankan kewajipannya; atau

(b) gagal mematuhi apa-apa arahan mana-mana pegawai polis pada menjalankan kewajibannya atau petunjuk yang diberikan atau semestinya ditandakan dengan mana-mana isyarat itu,

adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$3,000 dan penjara selama 6 bulan.”.

Pemasukan bab-bab 47A, 47B, 47C, 47D, 47E dan 47F yang baru.

8. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 47 enam bab baru yang berikut —

“Kuasa Pengarah untuk menggantung atau membatalkan lesen memandu.

47A. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam Akta ini, Pengarah boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun jika —

(a) rekod orang itu (yang disimpan oleh Pengarah) sebagai pemandu kenderaan bermotor atau kelakuan atau kebiasaannya sebagai pemandu membuktikan bahawa adalah bukan bagi kepentingan keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu; atau

(b) bahawa orang itu tidak layak memandu sesebuah kenderaan bermotor.

(2) Bagi maksud membuktikan bahawa adalah bukan bagi kepentingan keselamatan awam bagi seseorang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak layak memandu sesebuah kenderaan bermotor, Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat peraturan-peraturan yang mengadakan suatu sistem pemberian mata terhadap seseorang kerana melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (2) hendaklah menyatakan jumlah mata maksimum yang akan diberikan terhadap seseorang sebelum boleh dibuktikan bahawa adalah bukan bagi kepentingan keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak layak memandu sesebuah kenderaan bermotor.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Pengarah oleh bab ini untuk menggantung atau membatalkan lesen memandu seseorang boleh dijalankan pada masa selepas jumlah mata maksimum, yang disebut dalam cerai (3), telah diberikan terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

(5) Jika mata yang diberikan terhadap seseorang di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (2) mencapai 50 *peratus* dari jumlah maksimum yang membolehkan Pengarah menggantung atau membatalkan lesen memandu orang itu di bawah bab ini, maka Pengarah hendaklah memberikan notis mengenainya secara bertulis kepada orang itu.

(6) Jika seseorang itu dibatalkan kelayakannya dengan suatu perintah mahkamah dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi suatu tempoh masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, tiap-tiap mata yang diberikan terhadapnya di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (2) hendaklah kemudiannya dibatalkan selepas 24 bulan dengan rekod memandu bersih.

(7) Jika pemegang suatu lesen memandu melakukan setiap kali lebih dari satu kesalahan terhadap Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, maka mata hendaklah diberikan terhadapnya hanya bagi kesalahan yang dilakukan olehnya dan yang berkaitan dengannya jumlah mata terbesar boleh diberikan terhadap seseorang.

(8) Sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepada Pengarah oleh cerai (1), jika seseorang yang memegang suatu lesen memandu —

(a) gagal mematuhi apa-apa proses mahkamah yang dikeluarkan terhadapnya berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya di bawah Akta ini, sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; atau

(b) ditangkap di bawah suatu waran mahkamah berhubung dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini, sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan kesalahan itu belum dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah,

maka Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, menggantung atau membatalkan lesen memandu yang dipegang oleh orang itu sehingga dia berpuas hati bahawa orang itu telah mematuhi proses mahkamah yang disebut dalam perenggan (a) atau sehingga kesalahan yang disebut dalam perenggan (b) telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah, mengikut mana yang berkenaan.

Pemegang lesen boleh memberikan sebab mengapa lesen memandu tidak patut digantung atau dibatalkan.

47B. (1) Pengarah hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan suatu lesen memandu seseorang di bawah bab 47A, memberikan kepada orang yang berkenaan notis secara bertulis mengenai tujuannya untuk berbuat demikian —

(a) yang menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari 30 hari selepas tarikh notis itu, setelah itu penggantungan atau pembatalan tersebut hendaklah dibuat; dan

(b) meminta orang itu untuk memberikan sebab kepada Pengarah mengapa lesen memandu itu tidak patut digantung atau dibatalkan.

(2) Apabila orang itu gagal memberikan sebab dalam tempoh yang disebut dalam ceraiian (1) dan jika Pengarah memutuskan untuk menggantung atau membatalkan lesen memandu orang itu di bawah bab 47A, Pengarah hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu dengan notis secara bertulis mengenai penggantungan atau pembatalan itu.

(3) Seseorang itu boleh, dalam masa —

(a) 30 hari dari penerimaan notis yang disebut dalam ceraiian (2); atau

(b) tempoh masa lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah,

merayu secara bertulis terhadap penggantungan atau pembatalan itu kepada Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Suatu perintah penggantungan atau pembatalan di bawah bab 47A tidaklah berkuatkuasa sehingga tamat tempoh 30 hari setelah Pengarah memberitahu orang yang berkenaan mengenai perintah itu.

(5) Jika dalam tempoh itu orang yang berkenaan merayu kepada Pengarah, maka perintah itu tidaklah berkuatkuasa melainkan jika perintah itu disahkan oleh Pengarah atau rayuan itu ditolak oleh Pengarah kerana sebarang sebab.

Penyerahan balik dan pengembalian lesen memandu.

47C. (1) Pengarah boleh, apabila menggantung atau membatalkan suatu lesen memandu di bawah bab 47A, menghendaki supaya lesen itu diserahkan balik kepadanya dan disimpan olehnya.

(2) Mana-mana orang yang lesen memandunya telah digantung di bawah bab 47A hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik lesen memandu itu kepada Pengarah.

(3) Pada tamatnya tempoh penggantungan, suatu lesen memandu yang diserahkan balik kepada Pengarah di bawah cerai (2) hendaklah dikembalikan kepada pemegangnya dan, hanya dalam hal suatu lesen memandu yang digantung di bawah bab 47A(1), mata yang diberikan terhadapnya hendaklah dibatalkan selepas 24 bulan dengan rekod memandu bersih.

(4) Mana-mana orang yang lesen memandunya telah digantung atau dibatalkan di bawah bab 47A tidak boleh dalam tempoh penggantungan atau pembatalan memandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya di bawah mana-mana lesen memandu lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pun selainnya.

(5) Mana-mana orang yang memandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya sedangkan lesen memandunya digantung atau dibatalkan di bawah bab 47A adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak kurang dari \$600 dan tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesan penggantungan lesen memandu oleh Pengarah.

47D. Suatu lesen memandu yang digantung oleh Pengarah di bawah bab 47A bagi suatu tempoh selama satu tahun atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama tidaklah mempunyai kesan dan pemegang lesen itu tidak boleh memandu sesebuah kenderaan bermotor selepas tempoh penggantungan melainkan jika dia lulus ujian memandunya.

Pembatalan kelayakan atau penggantungan hendaklah diteruskan dalam hal keadaan tertentu.

47E. (1) Jika mana-mana orang —

(a) yang dibatalkan kelayakannya dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu; atau

(b) yang lesen memandunya digantung di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini,

memandu semasa dia dibatalkan kelayakannya atau lesennya sedang digantung dan menyebabkan kematian atau kecederaan teruk kepada mana-mana orang lain dan dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka pembatalan kelayakannya atau penggantungan lesennya hendaklah diteruskan sehingga kesalahan itu telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah.

(2) Dalam cerai (1), "kecederaan teruk" bermakna apa-apa kecederaan yang menyebabkan seseorang itu dalam tempoh 7 hari menderita sakit badan yang teruk atau tidak dapat membuat pekerjaan yang biasa dilakukannya.

Perintah larangan terhadap pelancong asing.

47F. (1) Jika mana-mana peruntukan Akta ini memberi kuasa kepada —

(a) mahkamah untuk memerintahkan supaya seseorang itu dibatalkan kelayakannya dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu; atau

(b) Pengarah untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen memandu mana-mana orang,

maka peruntukan itu hendaklah, berkenaan dengan seseorang pelancong asing, dibaca sebagai memberi kuasa kepada mahkamah atau Pengarah untuk membuat suatu perintah larangan yang melarang pelancong asing itu dari memandu mana-mana kenderaan bermotor di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh yang sama yang mahkamah atau Pengarah boleh, menurut peruntukan itu, membatalkan kelayakan mana-mana orang dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau menggantung atau membatalkan lesen memandu mana-mana orang, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana peruntukan lain Akta ini yang berkaitan dengan atau yang membuat sebutan kepada pembatalan kelayakan orang-orang dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau penggantungan atau pembatalan lesen memandu, termasuk mana-mana peruntukan yang memperuntukkan hukuman bagi sebarang kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang telah dibatalkan kelayakannya dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau yang lesen memandunya telah digantung atau dibatalkan, hendaklah, berkenaan dengan seseorang pelancong asing, dibaca seolah-olah setiap sebutan dalam peruntukan itu kepada pembatalan kelayakan seseorang dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau penggantungan atau pembatalan lesen memandu mana-mana orang adalah sebutan kepada pembuatan suatu perintah larangan terhadap pelancong asing itu.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat peraturan-

peraturan bagi mengubahsuai, mengikut cara sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu, mana-mana peruntukan Akta ini yang berkaitan dengan atau menyebut pembatalan kelayakan orang-orang dari memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau penggantungan atau pembatalan lesen memandu supaya peruntukan itu boleh dikenakan dengan sewajarnya berkenaan dengan seseorang pelancong asing yang terhadapnya suatu perintah larangan telah dibuat di bawah bab ini.”.

Penggantian bab 91.

9. Bab 91 dari Akta utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Komposisi kesalahan.

91. (1) Pesuruhjaya Polis atau mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, atau Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, boleh atas budi bicaranya mengkompaun sebarang kesalahan terhadap mana-mana Akta atau terhadap sebarang aturan atau peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun, dan atas budi bicaranya mengkompaun kesalahan itu dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukannya suatu jumlah wang tidak kurang dari \$50 dan tidak melebihi \$500.

(2) Menteri, boleh dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan cara dan prosedurnya.”.

Pindaan bab 94.

10. Bab 94 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong “, with the exception of an offence under section 27,” dari baris pertama;

(b) dengan memotong koma bernoktah dan menggantikannya dengan noktah;

(c) dengan memotong proviso.

Penggantian Jadual Kedua.

11. Akta Lalulintas Jalan Raya adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Kedua dan menggantikannya dengan Jadual Kedua baru yang berikut —

"JADUAL KEDUA

(bab 20)

KELAS-KELAS KENDERAAN

Semua berat merujuk kepada Jisim Maksimum Yang Dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

PERIHALAN	KELAS	KELAS LAIN
Motosikal		
(a) Motosikal dengan kapasiti padu kapasiti padu 500 dan lebih	1	1A & 1B
(b) Motosikal dengan kapasiti padu di bawah kapasiti padu 500	1A	1B
(c) Motosikal dengan kapasiti padu tidak melebihi kapasiti padu 250	1B	
Treler		
(a) Kenderaan bersendi berat tanpa muatan 6,000 kilogram dan lebih	2	2A & 2B
(b) Kenderaan bersendi berat tanpa muatan antara 3,000 kilogram dan di bawah 6,000 kilogram	2A	2B
(c) Kenderaan bersendi berat tanpa muatan di bawah 3,000 kilogram	2B	
Kenderaan bermotor		
(a) Semua kenderaan bermotor persendirian	3	
(b) Kenderaan bermotor komersil berat bersih di bawah 3,000 kilogram	3	
(c) Kenderaan bermotor komersil	4	3
(d) Kenderaan bermotor berat komersil berat bersih antara 4,500 kilogram dan lebih	5	3 & 4

JADUAL KEDUA – *sambungan*

Bas

(a) Mana-mana bas dengan lebih dari 16 tempat duduk penumpang	6	3
(b) Bas mini dengan tidak lebih dari 16 tempat duduk penumpang	6A	3
Kenderaan orang cacat dan kenderaan kawalan pejalan kaki	7	
Jentera Penggelek Jalan	8	
Kenderaan pacuan stim	9	
Kenderaan berunut	10	3
Traktor beroda	11	3
Teksi	12”.	

Tambahan Jadual Ketiga baru.

12. Akta Lalulintas Jalan Raya adalah dipinda dengan menambah Jadual Ketiga baru yang berikut —

“JADUAL KETIGA (bab 47A(8))

UNDANG-UNDANG TERTENTU .

Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta), 1972 (S 128/72)

Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta Persendirian), 1997 (S 13/97)”.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 2 haribulan September, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM